



# AMALAN MAMPAN BAGI RAKAN PERNIAGAAN

Kemas kini terakhir pada 30 August 2021

## **ISI KANDUNGAN**

---

**PAGE 03**

**PENGENALAN**

**PAGE 04**

**A. PENILAIAN SOSIAL**

**PAGE 06**

**B. PENILAIAN ALAM SEKITAR**



Bagi Kumpulan Hong Leong Bank (“HLBG”), salah satu prinsip penggerak utama kami ialah berada “Di Sini untuk jangka panjang”. Falsafah ini mendasari komitmen kami terhadap amalan mampan, dengan sentiasa menekankan komitmen Ekonomi, Alam Sekitar dan Sosial (“EES”). Hasil penekanan EES, kami telah membina perhubungan yang kukuh dengan golongan-golongan yang penting – iaitu pelanggan, kakitangan, pemegang saham dan pelabur, pihak berkuasa kawal selia, komuniti setempat, dan khususnya rakan perniagaan termasuk pembekal, vendor, dan penyedia perkhidmatan.

Selari dengan usaha-usaha ini, kami memerlukan komitmen anda sebagai rakan perniagaan supaya bersama-sama menjunjung amalan-amalan mampan berikut ini:

Dokumen ini adalah hak milik HLBB/ HLISB dan dianggap sulit. Tiada bahagian di dalam dokumen ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa-apa bentuk ataupun cara, termasuk mekanikal, elektronik, fotokopi, rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada pihak pengurusan HLBB / HLISB.

## A. PENILAIAN SOSIAL

---

### 1. Penilaian Hak Asasi Manusia

Penilaian hak asasi manusia berdasarkan dasar peluang yang sama, amalan pekerjaan yang adil dan tanpa diskriminasi, termasuk:

- a. Gender, status perkahwinan, kewarganegaraan, umur dan kecacatan
- b. Perlakuan kakitangan yang adil dan berperikemanusiaan
- c. Tidak terlibat dalam perdagangan orang atau buruh kanak-kanak
- d. Mematuhi semua syarat undang-undang buruh yang relevan, termasuk peruntukkan upah yang adil, persekitaran tempat kerja yang selamat dan sesuai; dan
- e. Promosi nilai kesihatan dan keselamatan pekerjaan.



## A. PENILAIAN SOSIAL

---

### 2. Dasar Pemberi Maklumat

Sesuai dengan komitmen HLBG terhadap integriti dan etika perniagaan yang baik, dan sehubungan ini pihak-pihak yang memberi perkhidmatan kepada atau mempunyai hubungan perniagaan dengan HLBG, adalah dikehendaki menyuarkan keprihatinan terhadap sebarang salah laku atau perbuatan salah yang boleh memberi kesan buruk kepada HLBG, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a. Sebarang kesalahan jenayah, termasuk penipuan, rasuah, sogokan dan peras ugut;
- b. Kegagalan mematuhi obligasi undang-undang atau peraturan; dan
- c. Keprihatinan terhadap amalan salah.

### 3. Antipengubahan Wang & Memerangi Pembiayaan

#### Keganasan

Sesuai dengan komitmen HLBG terhadap dasar jenayah Kewangan dan Taraf dan tatacara Jenayah Kewangan untuk mencegah pengubahan wang, pembiayaan keganasan atau jenayah kewangan yang lain, dan sehubungan ini pihak-pihak yang memberi perkhidmatan kepada, atau mempunyai hubungan perniagaan dengan HLBG, adalah dikehendaki menyuarkan keprihatinan terhadap sebarang salah laku atau perbuatan salah yang boleh memberi kesan buruk kepada HLBG, termasuk pengubahan wang dan memerangi pembiayaan keganasan.

## B. PENILAIAN ALAM SEKITAR

---

### 1. Menggalakkan pemuliharaan alam sekitar

- a. Kurangkan, Guna Semula dan Kitar Semula bahan sebanyak mungkin
- b. Elakkan sisa dibuang ke dalam jasad air. Jangan sekali-kali sisa ditinggalkan dalam jasad air selepas sebarang kegiatan
- c. Elakkan atau kurangkan kandungan bahan toksik dan tidak terbiodegradasikan yang dibeli. Langkah-langkah pengurusan sisa yang sesuai hendaklah diamalkan untuk mengelakkan pelepasan sisa toksik ke dalam jasad air atau tanah

### 2. Menggalakkan penjimatan tenaga

- a. Galakkan penggunaan sumber tenaga lebih bersih, boleh diperbaharui untuk membantu mengurangkan penggunaan bahan api fosil dan penjana gas rumah hijau
- b. Kurangkan penggunaan tenaga dengan menggunakan peralatan cekap tenaga (cth. Mesin Fotostat dengan fungsi siap sedia).

Bagi kami amalan-amalan ini adalah penting kepada masyarakat di mana kita berada. Oleh itu menjunjung amalan-amalan ini bersama-sama sebagai rakan perniagaan adalah tersangat penting ke arah memastikan kejayaan bersama dalam jangka panjang.

HARAP MAKLUM BAHAWA GARIS PANDUAN MENGENAI AMALAN MAMPAN AKAN DIPINDA ATAU DIKEMASKINI DARI SEMASA KE SEMASA SELARAS DENGAN GARIS PANDUAN DAN KEHENDAK INISIATIF PELAPORAN GLOBAL